



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.58/ 2018

SPR TERIMA NOTIS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.49 SUNGAI KANDIS, SELANGOR

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan bahawa telah menerima pemakluman rasmi daripada **Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Yang Berhormat Tuan Ng Suee Lim** pada hari ini berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Undangan Negeri (DUN) N.49 Sungai Kandis** berikutan kematian penyandanganya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) **Yang Berhormat Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei** pada 2 Julai 2018.

2. Sehubungan dengan itu, SPR akan mengadakan **Mesyuarat Khas** pada **9 Julai 2018 (Isnin), jam 10.00 pagi** bertempat di **Ibu Pejabat SPR, di Menara SPR, Putrajaya**. **Mesyuarat Khas** tersebut akan dipengerusikan oleh **Timbalan Pengerusi SPR, Y.Bhg Tan Sri Othman bin Haji Mahmood**, yang akan membincangkan tarikh-tarikh penting Pilihan Raya Kecil (PRK) seperti tarikh Writ Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dalam pilihan raya itu dan persiapan-persiapan lain yang diperlukan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut. Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas mesyuarat tersebut.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

DATO' MOHAMED ELIAS BIN ABU BAKAR

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 3 Julai 2018 / 19 Syawal1439H